

**TAHAP KOMPETENSI KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN USAHAWAN  
TEKNIKAL KONTRAKTOR ELEKTRIK KELAS III BERTARAF BUMIPUTERA DI  
SEKITAR KAWASAN JOHOR BAHRU**

Muhammad Rashid bin Rajuddin & Nur'ain binti Baharin  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia.

**ABSTRAK :** Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tahap kompetensi keusahawanan dalam kalangan usahawan teknikal Kontraktor Elektrik Kelas III bertaraf Bumiputera yang melibatkan tahap pengetahuan, sikap, kemahiran dan kreativiti. Keempat-empat aspek tersebut mencakupi tiga belas kompetensi keusahawanan iaitu inisiatif, melihat dan merebut peluang, kecekalan, keupayaan mencari maklumat, menitik beratkan mutu kerja yang tinggi, komitmen terhadap perjanjian kerja, berorientasi ke arah kecekapan, membuat perancangan yang sistematis, menyelesaikan masalah secara kreatif, yakin terhadap keupayaan diri, ketegasan, meyakinkan orang lain dan menggunakan strategi pengaruh. Seramai 40 orang responden iaitu Kontraktor Elektrik kelas III bertaraf Bumiputera di sekitar kawasan Johor Bahru telah terlibat dalam kajian ini. Metodologi yang digunakan ialah berbentuk soalan soal selidik yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Data-data dikumpul dan dianalisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science (SPSS) v14*” untuk mencari peratusan dan min bagi mendapatkan hasil kajian. Secara keseluruhan, tahap kompetensi mereka berada pada tahap yang tinggi. Walaupun begitu, terdapat sebahagian dari tiga belas kompetensi keusahawanan yang diabaikan oleh mereka dan perlu diberi penekanan.

**ABSTRACT :** The purpose of this research is to determine a level of entrepreneurship competency among the technical entrepreneur, 3<sup>rd</sup> class Bumiputera Electrical Contractor based on their level of knowledge, attitude, skill and creativity. The four aspects consist of thirteen entrepreneurship competency which are initiatives, look and take an opportunity, courageous, resourcefulness, emphasized on high quality work, committed in work agreement, efficiency orientated, planning systematically, creative problem solving, convinced with self capability, affirmation, ability to gain people confident and implement influence strategy. There were 40 respondent of 3<sup>rd</sup> class Bumiputera Electrical Contractor at Johor Bahru area involved in this study. Questionnaires was used as a Methodology in this research which is divided into two parts, part A and part B. Statistical Package for Social Science (SPSS) version 14 has been used to analyze and find the percentage and mean of the collected data. Results show that the level of the entrepreneurship competency most of contractors are high. Nevertheless, there are some parts of the thirteen entrepreneurship competencies are still neglected by them and should be emphasized.

Katakunci : 3<sup>rd</sup> class Bumiputera Electrical Contractor, Statistical Package for Social Science (SPSS), entrepreneurship.

## **PENGENALAN**

Malaysia menuju ke arah negara perindustrian menjelang tahun 2020 di mana sektor perniagaan dijangka bertambah penting. Ia bukan sahaja merupakan sector sokongan tetapi lebih ke arah menyediakan asas dan teknologi bagi memastikan kejayaan pembangunan perusahaan yang lebih besar. Pelbagai program keusahawanan yang telah diadakan bagi menggalakkan pembangunan

keusahawanan. Program Bahagian Latihan & Bimbingan Usahawan yang diwujudkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) bertujuan untuk mewujudkan usahawan-usahawan baru serta mempertingkatkan tahap pengetahuan, kemahiran serta keupayaan pengurusan usahawan Bumiputera melalui latihan keusahawanan, bimbingan, khidmat nasihat, bantuan dan galakan supaya mereka menjadi usahawan tulen yang berkualiti dan berupaya mengurus projek-projek perdagangan dan perindustrian kecil dan sederhana yang berdaya maju, berdaya saing dan berdaya tahan.

Pada masa kini, pelbagai bidang usahawan yang telah diwujudkan oleh kerajaan bagi menggalakkan pembangunan usahawan terutamanya di kalangan bumiputera. Di dalam kajian ini, penyelidik lebih tertumpu pada usahawan teknikal. Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) juga telah mewujudkan Program Usahawan Teknikal (PUTEK) bagi tujuan untuk membimbing dan menggalakkan bekas-bekas pelatih IKM / GIAT MARA dan lain-lain institusi latihan menyertai bidang perdagangan dan perindustrian. Program ini dapat memberi peluang baru kepada belia bumiputera yang berkemahiran untuk menceburi diri dalam perniagaan.

Selain itu, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menubuhkan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) dalam usaha membantu usahawan teknikal terutamanya usahawan bertaraf bumiputera. Ini dapat meningkatkan penglibatan bumiputera dalam sektor ini dan secara tidak langsung mempercepatkan pencapaian Dasar Pembangunan Nasional.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Tahap golongan usahawan bumiputera makin menurun terutamanya usahawan teknikal bumiputera (Fong, 1990 di dalam Mohd. Rosli, 2000). Namun masih kurang diberi perhatian oleh kerajaan. Sebelum kurikulum latihan di Institusi-institusi latihan kemahiran itu diubahsuai, kita seharusnya mengkaji terlebih dahulu masalah yang dihadapi oleh usahawan teknikal bumiputera ini berdasarkan pengalaman mereka dalam menguruskan perniagaan. Lantaran, pada masa kini telah banyak pertumbuhan usahawan teknikal dikalangan Bumiputera dalam bidang kontraktor elektrik. Persoalannya ialah sejauh manakah tahap kemahiran kompetensi keusahawanan yang ada pada kontraktor elektrik ini. Kajian ini dilaksanakan untuk mengenal pasti bagaimanakah tahap kompetensi keusahawanan di kalangan usahawan bumiputera kontraktor elektrik kelas iii?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

1. Mengenalpasti tahap *sikap* usahawan bumiputera kontraktor elektrik iaitu dari aspek inisiatif, keyakinan diri, kecekalan, ketegasan dan komitmen terhadap perjanjian kerja.
2. Mengenalpasti tahap *pengetahuan* usahawan bumiputera kontraktor elektrik iaitu dari aspek keupayaan mencari maklumat dan menitikberatkan mutu kerja.
3. Mengenalpasti tahap *kemahiran* usahawan bumiputera kontraktor elektrik iaitu dari aspek membuat perancangan yang sistematik, kemampuan meyakinkan orang lain dan kemampuan menyelesaikan masalah
4. Mengenalpasti tahap *kreativiti* usahawan bumiputera kontraktor elektrik iaitu dari aspek melihat dan merebut peluang, orientasi kearah kecekapan dan menggunakan strategi pengaruh

## **KEPENTINGAN KAJIAN**

Dapatkan kajian ini akan memberikan gambaran terhadap sejauh mana tahap kemahiran kompetensi usahawan-usahawan kontraktor elektrik ini. Dapatkan ini dapat membolehkan mereka menilai serta memperbaiki dan mengamalkan ciri-ciri usahawan yang berjaya melalui kemahiran kompetensi keusahawanan. Diharapkan dapatkan kajian ini juga akan membantu pihak Bahagian Pembangunan Usahawan (BPU) dan Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta mana-mana pihak yang berkaitan untuk mewujudkan pelbagai program usahawan seperti peperiksaan tahap kompetensi terutamanya untuk usahawan teknikal yang dipinggirkan.

Selain itu juga, kajian ini dapat memberi bantuan awal serta garis panduan untuk pengubahsuaian kurikulum latihan bagi para pelatih di institusi-institusi pengajian dan kemahiran di Malaysia yang berminat untuk menceburkan diri dalam bidang usahawan teknikal.

## **SKOP KAJIAN**

Dalam kajian ini skop kajian difokuskan kepada 13 kemahiran kompetensi keusahawanan. Skop kajian adalah dikalangan kontraktor elektrik kelas III di sekitar kawasan Johor Bahru. Ini adalah kerana mengikut Bahagian Suruhanjaya Tenaga, jumlah kontraktor kelas III lebih ramai di sekitar kawasan johor bahru. Selain itu, mengikut PKK kelas kontraktor yang perlu diberi perhatian ialah kelas III.

## **METODOLOGI**

### **Reka Bentuk Kajian**


Pengkaji memberi perhatian kepada fenomena semasa iaitu mengenai keusahawanan. Namun, pengkaji lebih menumpukan kepada bidang usahawan teknikal kerana usahawan ini kurang diberi perhatian . Pengkaji mengkaji tahap kompetensi keusahawanan dikalangan usahawan teknikal bumiputera khususnya kontraktor elektrik kelas III. Penyelidikan ini bertujuan untuk melihat bagaimana tahap kemahiran keusahawanan pada usahawan teknikal bumiputera ini bagi tujuan pembangunan terhadap usahawan bumiputera dan pelatih teknikal untuk menceburi bidang keusahawanan.

### **Kerangka Operasi**

Setelah pemilihan pernyataan masalah, persoalan kajian dan pemilihan tajuk, pengkaji telah membangunkan soal selidik berdasarkan fenomena yang ingin dikaji. Oleh kerana pengkaji menggunakan instrumen kajian berbentuk soal selidik yang menggunakan skala Likert, pengkaji telah menjalankan dua prosedur iaitu kajian rintis dan mendapatkan pengesahan isi kandungan soal selidik oleh seorang pensyarah keusahawanan dari Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional, Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia bagi keesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian tersebut.

Jika kajian rintis itu mendapat keputusan nilai Alpha Cronbach kurang daripada 0.6 , pengkaji perlu memperbaiki semula soal selidik tersebut. Analisi data dijalankan setelah soal selidik telah mendapat pengesahan dan nilai alpha melebihi 0.6 untuk mendapatkan hasil kajian. Pengkaji telah menjalankan kajian rintis seramai 10 orang Kontraktor Elektrik kelas III dari luar kawasan

Johor Bahru. Keputusan kajian rintis yang telah dilakukan oleh pengkaji mendapat nilai alpha 0.944 seperti yang telah ditunjukkan di dalam jadual 3.6. Jadual mengenai dapatan nilai Alpha Kronbach bagi setiap item telah dilampirkan di dalam lampiran F. Rumusan dibuat apabila dapatan kajian telah diperolehi.



## Responden Kajian

Responden adalah orang yang berkait rapat dengan kajian pengkaji iaitu orang yang telah dipilih untuk menjawab soal selidik pengkaji. Responden juga berkemungkinan daripada populasi atau sampel. Kumpulan yang ingin dikaji ialah populasi manakala kumpulan yang terlibat ialah sampel (Stephen Gorard, 2001) Mengikut modul pengajaran Zainudin dan M. Al-Muz-Zammil (2006), populasi merupakan seluruh orang yang dikaji manakala sampel ialah satu kumpulan yang dipilih daripada populasi.

## Instrumen Kajian

Dalam kajian ini pengkaji akan menggunakan soal selidik yang direka sendiri oleh pengkaji untuk mendapatkan hasil dapatan kajian. Kaedah soal selidik ini berbentuk tertutup dimana responden hanya perlu memilih jawapan yang telah diberikan sahaja. Mengikut Sulaiman (1996),

penggunaan soal selidik merupakan cara yang mudah dan membolehkan pengkaji mendapatkan maklumat yang banyak tanpa mengeluarkan perbelanjaan yang banyak.

**Bahagian A :** Jantina• Umur• Pengalaman sebagai kontraktor• Bilangan pekerja

**Bahagian B :** Sikap• Pengetahuan• Kemahiran• Kreativiti

### Kajian Rintis

Bagi memastikan keesahan dan kebolehpercayaan instrumen, satu kajian rintis telah dijalankan oleh pengkaji terhadap kontraktor elektrik kelas III bertaraf bumiputera di luar kawasan Johor Bahru secara pos. Kajian rintis membolehkan penyelidik mengenalpasti kekurangan item soal selidik dan instrumen kajian, seterusnya membuat beberapa perubahan supaya tidak menjelaskan hasil kajian (Sprinthall, 1991). Soal selidik pengkaji berada pada kekuatan sangat tinggi kerana nilai alpha yang diperolehi ialai 0.944.

### ANALISIS DATA

Jadual 1 : Peratusan bagi persoalan kajian dan purata pernyataan masalah.

Item	Rendah	Sederhana	Tinggi	Min
	(%)	(%)	(%)	
1. Apakah tahap <i>sikap</i> usahawan bumiputera kontraktor elektrik?	0.17	4.5	95.33	4.52
2. Apakah tahap <i>pengetahuan</i> usahawan bumiputera kontraktor elektrik?	0	2.08	97.92	4.60
3. Apakah tahap <i>kemahiran</i> usahawan bumiputera kontraktor elektrik?	0.23	5.4	94.37	4.32
4. Apakah tahap kreativiti usahawan bumiputera kontraktor elektrik?	11.11	15.56	73.33	4.05
PURATA	2.88	6.88	90.24	4.37

Dapatan keseluruhan kajian mendapati 90.24 peratus Kontraktor Elektrik Kelas III bertaraf bumiputera di sekitar kawasan Johor Bahru mempunyai tahap kompetensi keusahawanan yang tinggi. Manakala 6.88 peratus mempunyai tahap yang sederhana terhadap kompetensi keusahawanan. Namun, masih terdapat segelintir daripada mereka yang berada pada tahap rendah iaitu sebanyak 2.88 peratus.

Secara puratanya, analisis skala pemeringkatan skor min menunjukan min pada keseluruhan item berada pada tahap yang tinggi dengan purata min 4.37 . Rumusan dapatan kajian daripada keempat-empat soalan kajian ini telah menjawab pertanyaan masalah pengkaji.

## **PERBINCANGAN**

Kontraktor-kontraktor Elektrik ini kebanyakannya mempunyai sikap yang tegas terhadap pekerja mereka. Sikap tegas usahawan akan dapat menjamin pengawalan organisasi dengan baik. Ini adalah disebabkan ia dapat menjelaskan sesuatu masalah kepada orang yang terlibat supaya masalah sedemikian tidak berulang atau menular. Selain itu, Sikap Kontraktor Elektrik yang tinggi terhadap komitmen dalam perjanjian kerja dapat dilihat dengan kesanggupan mereka untuk melakukan pengorbanan peribadi serta mengambil tanggung jawab sepenuhnya dalam menyelesaikan sesuatu kerja.

Rata-rata Kontraktor Elektrik mempunyai pengetahuan yang tinggi dalam mencari maklumat. Mereka sentiasa mendapatkan khidmat pakar untuk kemajuan perniagaan serta membuat kajian pasaran dan membuat analisis mengenainya. Selain itu juga, mereka amat menitikberatkan mutu kerja yang tinggi dimana mereka menghasilkan kerja yang bermutu tinggi dan sentiasa membuat perbandingan mutu kerja yang dihasilkan dengan mutu kerja orang lain supaya setanding atau berada di peringkat yang lebih baik.

Majoriti Kontraktor Elektrik kelas III bertaraf Bumiputra mempunyai tahap yang tinggi dalam mengaplikasikan kompetensi keusahawanan didalam konteks kemahiran. Didalam konteks kemahiran ini terdapat tiga pecahan kompetensi keusahawanan iaitu membuat perancangan yang sistematik, kemampuan meyakinkan orang lain dan kemampuan menyelesaikan masalah.

Daripada dapatan kajian, Kontraktor Elektrik Kelas III mempunyai daya melihat dan merebut peluang dimana mereka mempunyai kecekapan mencari dan mengenal pasti peluang perniagaan yang wujud dan berkemampuan untuk merebut peluang samada untuk memperluaskan pasaran, mendapatkan bantuan bagi kepentingan perniagaan dan lain-lain. Mengikut Yep Putih (1985), seseorang usahawan itu tidak akan menunggu peluang sebaliknya sentiasa mencari dan merebut peluang. Mereka juga menggunakan maklumat-maklumat perniagaan atau kaedah pengurusan yang berkesan untuk meningkatkan kecekapan diri dan perniagaan.

Walaupun begitu, masih ada segelintir Kontraktor Elektrik iaitu sebanyak 11.11 peratus yang tidak menggunakan strategi pengaruh. Sebaliknya, mereka perlu memiliki sumber kuasa atau kombinasi sumber-sumber kuasa ini sebagai strategi pengaruhnya terhadap pelanggan, pekerja dan keseluruhan industri dan pasaran yang terlibat dengannya.

## **RUJUKAN**

- Ariffin Mansur. (2008). Kompetensi Keusahawanan (7 April 2008)  
<http://keusahawananbumiputra.blogspot.com/2008/04/kompetensikeusahawanan.html>
- Barjoyai Bardai dan Mohd. Fairuz. (1998). Peluang Perniagaan (siri pengurusan dan perniagaan utusan), Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.
- Best, W.(1977). *Research in Education*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Casson, M. (2003). *The Entrepreneur: An Economic Theory* (2<sup>nd</sup> ed.). United Kingdom: Edward Elyar Publishing Ltd.
- Lambing, A., and Kuehl, R. (2007). *Entrepreneurship* (4<sup>th</sup> ed). New Jersey: Pearson Education. Inc.

- Mc Clelland dan Mc Ber & Co. (1986). Entrepreneurship and Small Enterprise Development, *Second Anual Report to the United States Agency for International Development*, March 25.
- Mohd. Majid Konting. (1990). Kaedah Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Rosli Mohamad. (2000). Industri kecil dan Sederhana: Landasan pembangunan Usahawan. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Preece, C., Moodley, K. and Smith, P. (ed) (2003). *Construction Business Development*. Great Britain: Elsevier Inc.
- Sulaiman Ngah Razali. (1996). Analisis Data dalam Penyelidikan Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Traister, E. (1978). *Construction Electrical Contracting*. United State: A wileyinterscience Publication John Wiley and Sons. Inc.
- Yep Putih. (1985). Keusahawanan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pelajaran Malaysia.